

**PERSPEKTIF: MENGHAYATI PENGHAKUPAYAAN BELIA**  
**Berita Harian – 21 Julai 2007**

Bersama Saifuddin Abdullah (saifuddin61@yahoo.com)

**Pemahaman Konsep Amalan Secara Tepat Penuhi Permintaan Asas  
Generasi Muda**

PERSATUAN Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) Pahang dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menganjurkan Seminar Kepemimpinan Pertubuhan Belia Peringkat Pahang bermula semalam hingga esok dengan MAYC Temerloh menjadi tuan rumah.

Satu daripada tajuk perbincangan seminar yang turut dihadiri 300 peserta ialah penghakupayaan belia. Kebetulanannya, tahun ini genap 10 tahun istilah 'penghakupayaan belia' digunakan dalam pemikiran gerakan dan pembangunan belia di negara ini.

Ia bermula pada Oktober 1997 apabila Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia (MBM) ketika itu diundang menyampaikan ucapan utama bertajuk 'Youth Empowerment' pada Sesi Bersama Perundingan Strategi Baru Sumber Pembangunan Manusia Pegawai Kanan Negara Komanwel dan Mesyuarat Forum Belia Serantau anjuran Program Belia Komanwel (CYP) Bagi Asia di Kuala Lumpur.

Dalam menyediakan ucapan itu, puas dicari tulisan tempatan mengenai subjek itu, tetapi tidak ditemui. Dalam tulisan antarabangsa juga, ia sukar ditemui. Malahan, buku yang disunting William D. Angel (1995), The International Law of Youth Right yang dianggap rujukan pembangunan belia antarabangsa itupun tidak menggunakan istilah itu.

Sehingga masa itu, istilah yang lazim digunakan ialah 'partisipasi belia.' Partisipasi digunakan, contohnya, dalam tema Tahun Belia Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 1985, iaitu 'Partisipasi, Pembangunan, Keamanan' dan dalam dokumen PBB 1995 bertajuk Program Belia Tahun 2000 dan Selanjutnya.

Apabila 'empowerment' hendak diterjemahkan ke bahasa Malaysia, tidak pula ditemui istilah yang tepat. Bagi mengelak daripada istilah 'pemberdayaan' yang digunakan di Indonesia, maka dicipta istilah baru, iaitu 'penghakupayaan.'

Menurut Kamus Oxford, 'empower' (menghakupaya) bermakna 'secara rasmi memberikan kuasa; autoriti, lesen; menyerahkan keupayaan atau kuasa yang diperlukan untuk sesuatu tujuan atau tugas; upaya, permit,' manakala 'empowerment' pula bermakna 'tindakan menghakupayakan seseorang; keadaan empowered (terhakupaya).'

Penghakupayaan mula digunakan sebagai istilah politik oleh aktivis pelajar Amerika Syarikat pada dekad 60-an. Selepas itu, ia menjadi istilah dunia perniagaan. Mills dan Friesen (1995) menyifatkannya sebagai cara dan gaya pengurusan. Maknanya hampir menyamai delegasi, walaupun ia tidak serupa.

Mereka mendefinisinya sebagai 'autoriti orang bawah untuk membuat keputusan dan bertindak.' Ia membayangkan ruang yang luas bagi mereka yang terhakupaya untuk bertindak dengan bebas dan dengan budi bicara sendiri.

Menurut Blanchard, Carlos dan Randolph (1996) pula, 'penghakupayaan membolehkan dioptimumkan kapasiti sumber manusia yang kurang digunakan yang mesti digembleng sekiranya organisasi ingin meneruskan kelangsungan (survival) dalam dunia hari ini yang semakin kompleks dan dinamik.'

Cara gaya pengurusan tradisional di mana pengurus mengawal dan pekerja

dikawal tidak lagi efektif. Untuk berubah kepada paradigma penghakupayaan memerlukan perubahan dalam beberapa aspek organisasi.

Untuk mempraktikkan penghakupayaan, struktur organisasi perlu lebih fleksibel dan fungsi pengurusan perlu berubah dari set minda arah-kawal kepada set minda tanggungjawab-sokongan yang memungkinkan setiap anggota dapat menyumbangkan yang terbaik kepada organisasi.

Di samping bersetuju dengan definisi dan konsep yang diterima pakai dalam konteks cara gaya pengurusan, dalam ehwal pembangunan belia, penghakupayaan perlu dilihat sebagai falsafah atau konsep dan sebagai pendekatan atau strategi yang membentuk landasan bagi membolehkan kerangka belia sebagai rakan pembangunan beroperasi.

Penghakupayaan belia berada dalam satu kontinum, 'dari peluang belia kepada hak belia' dan 'dari perundingan tidak formal kepada partisipasi secara berstruktur dan formal dalam proses membuat keputusan.' Perspektif ini meliputi konsep lain seperti 'menjana kapasiti,' 'hak asasi belia,' 'tanggungjawab belia,' 'autonomi,' 'pembangunan partisipatif' dan lain-lain.

Justeru, penghakupayaan belia didefinisikan sebagai membolehkan dan mendapatkan belia untuk memahami dan bertindak atas semua isu (seperti peribadi, keluarga, sosial, budaya, ekonomi, politik dan antarabangsa) yang menyentuh dirinya dan sekitarnya.

Ucap utama itu kemudian menjadi sebahagian daripada kandungan buku bertajuk *Strengthening Youth Agenda: Implementation through Empowerment* yang diterbitkan MBM pada 1998.

Apabila Mesyuarat Menteri Belia Komanwel bersidang di Kuala Lumpur pada tahun yang sama, satu daripada agendanya ialah penggubalan Pelan Tindakan

Penghakupayaan Belia Komanwel, buku itu dijadikan rujukan untuk erti 'empowerment.'

Kebelakangan ini, penghakupayaan semakin kerap digunakan dalam perbincangan pembangunan belia, iaitu seperti yang tercatat dengan nyata dalam dokumen rasmi kerajaan seperti Dasar Pembangunan Belia Negara (1997), Pelan Tindakan Penghakupayaan Belia Komanwel (1998), Deklarasi Lisbon Tentang Dasar Dan Program Belia PBB (1998) dan Rancangan Pembangunan Belia Negeri Sembilan 1 2006-2010.

Malangnya, walaupun sudah sedekad digunakan, ramai masih tidak pasti dengan makna penghakupayaan belia yang sebenar. Amat mustahak supaya maknanya benar-benar difahami kerana timbul kekeliruan, hatta eksploitasi terhadap konsep ini.

Antara kekeliruan itu ialah,

- Menganggapnya sebagai memberi tugas orang lain kepada belia. Ini bukan penghakupayaan belia, tetapi adalah pembuangan (dumping).
- Melantik belia sebagai wakil orang lain. Ini bukannya penghakupayaan belia, tetapi adalah delegasi.
- Menyerahkan kuasa kepada belia tanpa had atau kebertanggungjawaban. Ini bukannya penghakupayaan belia, tetapi adalah anarki.
- Mengundang belia untuk membantu membuat keputusan orang lain. Ini bukannya penghakupayaan belia, tetapi adalah pengurusan partisipatif.
- Orang lain menggunakan belia untuk memajukan sesuatu program atau objektif tanpa belia mengetahui mengenai apa yang disertainya. Ini bukannya penghakupayaan belia, tetapi adalah manipulasi.
- Belia terbabit tetapi tidak dapat membuat keputusan mengenai tujuan, cara atau tahap pembabiatnnya. Ini bukan penghakupayaan belia, tetapi adalah melepaskan batuk di tangga (tokenism).

- Belia dibabitkan untuk menjustifikasikan sesuatu program itu adalah disertai belia. Ini bukannya penghakupayaan belia, tetapi adalah kosmetik atau 'window dressing.'

Konsep ini perlu disebarluaskan dan difahami. Penghakupayaan belia bukan bermakna memberikan kuasa kepada belia. Sebaliknya, ia adalah proses menyalurkan idealisme, aktivisme dan intelektualisme belia menerusi aktiviti, bakti dan advokasi yang diamalkan gerakan perjuangan belia.

Hanya dengan meningkatkan amalan penghakupayaan belia, terutama dengan memastikan tercatatnya istilah itu dalam dokumen kerajaan benar-benar dilaksanakan dengan maknanya yang tepat, barulah tiga permintaan asas belia iaitu belia mahu suaranya didengar, belia mahu peranannya diiktiraf dan belia mahu masalahnya diselesaikan dengan cara yang berorientasi belia dapat dipenuhi.

**Datuk Saifuddin Abdullah ialah Pengerusi Akademi Belia yang juga bekas Presiden Majlis Belia Malaysia (1998-2002)**